

# KAJIAN INISIATIF KESELAMATAN PESAWAH PADI TERHADAP KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSH)

(SURVEY ON SAFETY INITIATIVES PADDY FARMERS TOWARDS OSH)

Mazliah Binti Abdul Rahman<sup>a</sup>, Fadzli Shah Bin Abd Aziz<sup>b</sup>

<sup>a</sup> School of Business Management, Universiti Utara Malaysia  
Email: maz\_tani@yahoo.com

<sup>b</sup> School of Business Management, Universiti Utara Malaysia  
Email: f.shah@uum.edu.my

**Abstrak :** *Pesawah padi sentiasa terdedah kepada pelbagai jenis bahaya semasa melakukan kerja di sawah. Selaras dengan masalah berkenaan, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan telah diperluaskan kepada kategori pekerjaan yang tidak formal termasuk kepada golongan petani/pesawah. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji tingkahlaku pesawah (inisiatif keselamatan) terhadap aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Sejumlah 1089 borang kaji selidik telah diedarkan di kalangan pesawah-pesawah padi di Semenanjung Malaysia dan sebanyak 745 borang yang lengkap telah diterima untuk dianalisis. Hasil kajian mendapati kebanyakan pesawah menyedari bahawa pengetahuan keselamatan, komitmen keselamatan, dan amalan pengurusan keselamatan penting untuk mereka berinisiatif terhadap keselamatan seterusnya dapat meningkatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sawah.*

**Kata Kunci:** *pengetahuan keselamatan, komitmen keselamatan, amalan pengurusan keselamatan, inisiatif keselamatan.*

**Abstract:** *Paddy farmers are constantly exposed to various types of dangers during fieldwork. In line with these problems, the Employment Social Security Scheme has been expanded into informal job categories including farmers. Therefore, this paper aims to examine the farmers behaviour (safety initiative) on occupational safety and health aspects. A total of 1089 survey forms were distributed among paddy farmers in Peninsular Malaysia and 745 completed forms were received for analysis. The findings show that most farmers are aware of about the importance of safety knowledge, security commitment, and safety management practices in taking the initiative towards safety thereby, enhancing occupational safety and health.*

**Keyword:** *safety knowledge, safety commitment, safety management practise, safety initiatives.*

2018 JGBSE

## Pengenalan

Setiap sektor pekerjaan mempunyai risiko tersendiri termasuklah sektor pertanian. Pekerja sebagai pesawah padi misalnya, juga akan terdedah kepada pelbagai bahaya pekerjaan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pesawah akan menyebabkan mereka sentiasa terdedah kepada bahan kimia pertanian iaitu semasa penyediaan tanah, menanam, membaja, meracun dan menuai padi. Kajian sebelum ini mendapati, pesawah masih kurang menitik beratkan soal keselamatan semasa bekerja terutama dalam pemakaian perlindungan keselamatan semasa melakukan kerja-kerja di sawah (Abd Aziz FS, 2014). Penekanan pesawah lebih ditumpukan kepada peningkatan produktiviti berbanding keselamatan dan kesihatan mereka.

Inisiatif keselamatan dalam kajian ini merujuk kepada tindakan proaktif pekerja untuk meningkatkan keselamatan persekitaran tempat kerja (Liping & Yun, 2015). Manakala menurut Binnewies dan Gromer (2012), inisiatif adalah satu bentuk tingkahlaku proaktif terhadap penyelesaian masalah. Tindakan proaktif pekerja di tempat kerja amat dipengaruhi oleh nilai-nilai inisiatif keselamatan pekerja dalam meningkatkan pematuhan keselamatan dan menjadikannya sebagai budaya keselamatan (Kark *et. al.*, 2015). Ini kerana, individu (pekerja) yang berinisiatif terhadap keselamatan lebih bertanggungjawab untuk memastikan segala aktiviti pekerjaan yang dilakukan adalah selamat. Di samping itu, mereka juga sentiasa peka terhadap keselamatan dengan sentiasa berwaspada dan berkelakuan selamat semasa menjalankan tugas di tempat kerja. Komitmen keselamatan, amalan pengurusan keselamatan dan pengetahuan keselamatan akan memberi kesan kepada peningkatan inisiatif keselamatan. Oleh itu, tinjauan ini adalah untuk mengkaji inisiatif keselamatan dan pelaksanaan aspek OSH dalam industri pertanian terutama di kalangan pesawah padi di samping elemen-elemen seperti komitmen keselamatan, amalan pengurusan keselamatan dan pengetahuan keselamatan.

## Metodologi Kajian dan Pembangunan Soal Selidik

Penilaian terhadap inisiatif keselamatan pekerja di tempat kerja dapat dilakukan dengan bantuan soal selidik. Soal selidik bagi inisiatif keselamatan dalam kajian ini telah dibangunkan berdasarkan objektif kajian ini. Item-item dalam instrumen yang digunakan oleh pengkaji terdahulu dikumpulkan dan disemak serta dibincangkan bersama-sama dengan ahli-ahli akademik dan professional dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Lain-lain faktor yang mempengaruhi keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja seperti komitmen keselamatan, amalan pengurusan keselamatan dan pengetahuan keselamatan turut dipertimbangkan dalam kajian ini. Instrumen bagi ketiga-tiga faktor diperolehi daripada pengkaji terdahulu seperti Abd Aziz FS, 2008 (komitmen keselamatan), Neal *et. al.*, 2000 (amalan pengurusan keselamatan dan pengetahuan keselamatan)

Dalam kajian ini, responden diminta untuk memberikan maklum balas mereka pada skala Likert 5 point bagi menggambarkan tingkahlaku mereka terhadap keselamatan dan pengalaman mereka dengan jelas. Point 1 adalah sangat tidak setuju hingga point 5 adalah sangat setuju. Seramai 745 pesawah yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian telah dilibatkan dalam soal selidik ini, menggunakan kaedah soal selidik secara panduan (*guided questionnaire*). Saiz sampel ini adalah lebih daripada mencukupi untuk tujuan analisis selanjutnya kerana menurut Roscoe (1975) saiz sampel yang melebihi 30 adalah memadai bagi semua kajian.

## Hasil dan perbincangan

Daripada 1089 set borang soal selidik yang diedarkan, cuma 745 (68.4%) set borang sahaja yang berjaya dijawab dengan lengkap oleh responden. Soal selidik yang dikumpul, dianalisis secara sistematik. Majoriti responden adalah Melayu (89.7%), diikuti Cina (8.3%), India (1.2%) dan 0.8% lain-lain kaum. Dalam kategori umur, majoriti daripada responden adalah golongan veteran iaitu 50 tahun ke atas (45 %), manakala mereka dalam kumpulan umur yang lain adalah 41-49 tahun (24 %), berumur 34-41 tahun (18.5 %), berumur 26-33 tahun (8.1 %), berumur 18-25 tahun (4.2 %). Data ini dapat menjelaskan bahawa terdapat peningkatan bilangan responden berdasarkan peringkat umur. Dengan mengandaikan pekerjaan sebagai pesawah merupakan pekerjaan yang kurang diminati oleh golongan muda. Kebanyakan mereka adalah berkerja secara tetap (70.3 %), manakala yang selebihnya adalah secara separuh masa (29.7 %).

### *Kepercayaan Pesawah Terhadap Inisiatif Keselamatan*



**Rajah 1:** Inisiatif Keselamatan Pesawah

Dalam bahagian ini, sebanyak 17 soalan telah dibangunkan untuk mengukur inisiatif keselamatan dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sawah. Soalan-soalan meliputi pelaksanaan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan seperti tanggungjawab terhadap keselamatan; penglibatan dalam aktiviti keselamatan; kepekaan terhadap masalah keselamatan; cadangan untuk memperbaiki keselamatan; proaktif untuk menangani isu-isu keselamatan; melakukan kerja dengan selamat dan maklumat mengenai keselamatan. Rajah 1 di atas menunjukkan bahawa 86% responden bersetuju dengan semua soalan yang dikemukakan. Namun begitu, 12% di kalangan mereka memberikan jawapan tidak pasti dengan semua soalan tersebut. Ini jelas menunjukkan, walaupun terdapat pelaksanaan aktiviti-aktiviti keselamatan dan kesihatan di kalangan pesawah padi, namun ianya tidak menyeluruh. Bagi sesetengah pesawah berpendapat amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah mudah dan tidak memerlukan perancangan yang teratur. Menurut Abd Aziz FS (2014), terdapat sebilangan besar pesawah padi beranggapan isu-isu kesan penggunaan racun serangga diperbesar-besarkan dan mereka juga berpendapat kesan negatif dari

penggunaan racun tidak dapat dielakkan walaupun racun digunakan dengan kaedah yang betul. Penemuan ini memberi harapan yang penting kepada agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk menerima konsep operasi kerja yang selamat. Satu pelan keselamatan perlu dirangka iaitu “Pelan Tindakan Proaktif” khusus untuk pesawah/petani perseorangan bagi memantapkan mereka supaya dapat berinisiatif terhadap keselamatan. Tujuannya, agar mereka dapat didedahkan dengan sifat-sifat kerterbukaan, lebih fokus dan sentiasa berusaha mencari alternatif bagaimana meminimumkan kadar kemalangan di tempat kerja. Selain itu, komitmen keselamatan, amalan pengurusan keselamatan dan pengetahuan keselamatan juga turut menyumbang kepada peningkatan inisiatif keselamatan. Perbincangan ini turut mengupas peranan yang dimainkan oleh ketiga-tiga elemen tersebut dalam peningkatan prestasi inisiatif pesawah di sawah.

### ***Komitmen Pesawah Terhadap Keselamatan***



**Rajah 2 :** Komitmen Keselamatan Pesawah

88 peratus responden telah menzahirkan komitmen mereka terhadap keselamatan seperti di Rajah 2 di atas. Dalam kajian ini, penumpuan komitmen adalah kepada penglibatan dalam aktiviti keselamatan, pematuhan kepada peraturan dan prosedur kerja dan mengutamakan keselamatan semasa bekerja. Menurut Cooper (1998), pekerja yang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap keselamatan akan meningkatkan prestasi keselamatan. Selain itu, komitmen dapat memainkan peranan dalam membentuk dan mengukuhkan tingkahlaku pesawah terhadap keselamatan supaya lebih berinisiatif. Keputusan ini juga menunjukkan pesawah padi mempunyai persepsi yang baik terhadap keselamatan. Sebanyak 10% di kalangan mereka tidak pasti dengan komitmen mereka terhadap keselamatan. Oleh itu, program-program latihan untuk memantapkan komitmen pesawah terhadap keselamatan perlu dirancang, antaranya meningkatkan faktor personaliti, tanggungjawab sosial dan kemahiran. Selain itu, garis panduan keselamatan perlu diperbaiki agar lebih sistematik dan komprehensif termasuk menyediakan mentor bagi membantu pesawah supaya dapat bekerja dalam keadaan yang selamat.

### *Pengetahuan Keselamatan*




**Rajah 3 :** Pengetahuan Keselamatan Pesawah

Menurut Harper (1998), pengetahuan terhadap keselamatan di kalangan petani adalah rendah. Namun begitu, dalam kajian ini mendapati 91% pesawah mempunyai pengetahuan dan memahami bagaimana melaksanakan tugas dengan selamat serta risiko jika mereka mengabaikan keselamatan. Setakat mana pemahaman mereka terhadap keselamatan adalah tidak diketahui, dan ianya perlukan kajian dengan lebih lanjut. Terdapat kira-kira 7% responden yang tidak pasti dengan pengetahuan yang mereka ada. Dapatan ini bertepatan dengan hasil kajian oleh Joy (1999). Joy (1999) mendapati ada di kalangan pekerja yang tidak menyedari adanya terdapat peraturan dan prosedur kerja; ada juga di kalangan mereka sedar wujudnya peraturan dan prosedur keselamatan tetapi tidak memahaminya; salah menggunakan peraturan; mengabaikan peraturan dan latar belakang pendidikan yang kurang. Sebagai contoh, kegagalan pesawah padi untuk mematuhi peraturan penggunaan racun mahluk perosak misalnya, adalah disebabkan oleh kekurangan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman mengendalikan bahan kimia pertanian dengan betul dan selamat.

Oleh itu, program-program seperti pendidikan asas dan bengkel yang berkaitan jentera pertanian, keselamatan ladang, pengendalian racun rumpai dan perosak serta keselamatan kimia perlu dilaksanakan. Di samping itu, Tindakan pelan jangka panjang untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, sikap, keupayaan dan ciri-ciri pesawah padi yang selamat haruslah dilaksanakan bagi mengatasi permasalahan ini untuk generasi pesawah padi yang akan datang. Pesawah juga perlu didedahkan mengenai bahaya, risiko dan bagaimana untuk melindungi diri mereka, terutamanya dalam kes kecemasan. Sekurang-kurangnya mereka perlu tahu bagaimana untuk bertindakbalas melindungi dirinya daripada bahaya pekerjaan yang dilakukannya. Selain itu, pengalaman hands-on bagaimana mengendalikan sesuatu peralatan yang digunakan untuk aktiviti pekerjaan mereka. Ini boleh dicapai dengan program latihan yang lebih kerap oleh syarikat-syarikat pengeluar peralatan, pegawai-pegawai yang terlatih dan melalui lawatan ke kawasan lain yang menggunakan peralatan yang sama iaitu berkongsi pengetahuan penggunaan dan lain-lain.

### *Amalan Pengurusan Keselamatan*




**Rajah 4 :** Amalan Pengurusan Keselamatan Pesawah

Amalan pengurusan keselamatan mempunyai kaitan yang khusus dengan niat dan tindakan di mana, ianya bukan sahaja dapat memperbaiki keadaan kerja malahan juga dapat mempengaruhi pekerja secara positif (Mearns dan Whitaker, 2003). Ini merupakan mekanisma yang bersepadu, direka bentuk untuk mengawal bahaya yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan pekerja (Clarke, 1999). Amalan pengetahuan keselamatan meliputi peraturan dan prosedur, penglibatan dalam aktiviti keselamatan, latihan dan komitmen daripada agensi-agensi yang berkaitan (Vinodkumar dan Bhasi, 2011). Sejauh mana ianya dipraktikkan bergantung kepada individu berkenaan. Kegagalan individu mengubah sikap iaitu gagal mengamalkan pengurusan keselamatan sebagai budaya kerja akan menyebabkan mereka kurang berinisiatif terhadap keselamatan (Neal dan Griffin, 2006).

Keputusan kajian ini mendapati 81% responden bersetuju dengan penglibatan mereka dengan amalan pengurusan keselamatan. Mereka percaya amalan pengurusan keselamatan yang berkesan dapat membuka peluang kepada mereka untuk berkomunikasi di kalangan mereka bagi mendapat pandangan mengenai keselamatan. Mereka juga mengakui amalan pengurusan keselamatan dapat meningkatkan kesedaran dan sikap lalu membentuk budaya kerja selamat di kalangan pesawah. Kira-kira 14% di kalangan pesawah yang tidak pasti dengan amalan pengurusan keselamatan yang disediakan untuk mereka. Ini terjadi mungkin disebabkan amalan pengurusan keselamatan yang tidak dikuatkuasakan dan didokumenkan. Oleh itu, pengamalan pengurusan keselamatan yang betul, dan teratur serta patuh kepada peraturan dan prosedur yang ditetapkan adalah dituntut bagi mengurangkan kadar kemalangan di tempat kerja.

## Keputusan dan Kesimpulan

Kajian kaji selidik mengenai inisiatif keselamatan dan elemen-elemen keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pesawah padi di Semenanjung Malaysia telah berjaya dilaksanakan. Tumpuan kaji selidik ini adalah untuk mengukur inisiatif keselamatan, komitmen keselamatan, amalan pengurusan keselamatan dan pengetahuan keselamatan dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagai pesawah padi. Hubungan elemen ini dengan prestasi keselamatan dan kesihatan pekerjaan ditunjukkan dalam Rajah 5, di mana semua responden memberikan respon positif kepada soal selidik. Majoriti responden (iaitu pesawah padi) bersetuju bahawa pengetahuan keselamatan adalah penting dalam peningkatan inisiatif terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini bermakna, pekerja (pesawah) harus disediakan dengan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan untuk menjalankan tugas-tugas mereka dengan selamat supaya dapat meminimumkan risiko kemalangan di samping prosedur yang ada dapat digunakan dengan betul bagi mencegah kemalangan daripada berlaku (Fernandez-Muniz *et. al.*, 2007). Dapatan ini juga telah membuktikan bahawa amalan pengurusan keselamatan secara konsisten dan betul di tempat kerja dapat meningkatkan komitmen terhadap keselamatan dan seterusnya dapat meningkatkan inisiatif terhadap keselamatan. Peranan komitmen adalah penting dan ia merupakan elemen utama dalam usaha untuk melakukan perubahan dalam mewujudkan budaya keselamatan di tempat kerja (Cox & Flin, 1998). Budaya yang menghargai keselamatan akan menggalakkan pekerja untuk proaktif dalam keselamatan mereka sendiri dan tidak hanya mematuhi peraturan keselamatan yang disediakan (Simard dan Marchand, 1997). Mereka akan lebih agresif dalam menangani isu-isu yang melibatkan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja mereka.



Rajah 5 : Analisis Soalan Soal Selidik

Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa individu yang berkomitmen, berpengetahuan serta mengamalkan pengurusan keselamatan yang baik dapat meningkatkan inisiatif individu terhadap keselamatan. Penemuan kajian ini berguna untuk program intervensi bagi meningkatkan tahap kesedaran keselamatan di kalangan pesawah padi. Agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan

Pekerjaan (JKKP) serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) perlu memainkan peranan penting dalam mewujudkan lebih banyak program keselamatan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan seterusnya dapat meningkatkan tindakan proaktif (inisiatif) bagi mengurangkan kadar kemalangan serta mendorong mereka untuk bertindak secara selamat dalam aktiviti kerja seharian di sawah.

## Rujukan

- Abd Aziz, F. S. (2008). *Safety culture and commitment to safety in the Malaysian railway system*. Unpublished doctoral dissertation, University of Nottingham, UK.
- Abd Aziz, F. S. (2014). *Kajian Pendedahan Bahan Kimia Pertanian Di Kalangan Pesawah Padi Di Semenanjung Malaysia*. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia.
- Clarke, S. (1999). Perceptions of organisational safety: implications for the development of safety culture. *Journal of Organisational Behaviour*, 20, 185-198.
- Cooper, D. (1998). *Improving safety culture: A practical guide*. England: John Wiley and Sons Ltd.
- Cox, S. & Flin, R. (1998). Safety culture: philosopher's or man of straw. *Work and Stress*, 12(3), 189-201.
- Fernandez-Muniz, B., Montes-Peón, J.M., & Vazquez-Ordas, C.J. (2007). Safety management system : development and validation of a multidimensional scale. *Journal of Loss Prevention in the Process Industries*, 20, 295-307.
- Joy, J., (1999). Learning from mistakes in mining. *Australian Journal of Mining*, Retrieved from [http://www.qrc.org.au/files/docs/conferencesOHS\\_1999/Safety\\_Joy.doc](http://www.qrc.org.au/files/docs/conferencesOHS_1999/Safety_Joy.doc)
- Kark, R., Navon, T., K., & Delegach, M. (2015). The dual effects of leading for safety : the mediating role of employee regulatory focus. *Journal of Applied Psychology*, 100(5), 1332-1348.
- Liping, S., & Yun, T. (2015). A study of the impact of personal initiative on safety production management mode transition : base on the perspective of social cognitive theory and anthropology embeddedness theory. *Social Sciences ISSN: 1583-3410*, 50, 122-142.
- Mearns, K., Whitaker, S., M. (2003). Safety climate, safety management practice and safety performance in offshore environments. *Safety Science*, 41, 641-680.
- Neal, A., Griffin, M.A., & Hart, P.M. (2000). The impact of organisational climate on safety climate and individual behaviour. *Safety Science*, 34, 99-109.
- Neal, A., & Griffin, M. A. (2006). A Study of the lagged relationships among safety climate, safety motivation, safety behavior, and accidents at the individual and group Levels. *Journal of Applied Psychology*, 91(4), 946-953.
- Roscoe, J. T. (1975). *Fundamental research statistic for the behavioral sciences* (2<sup>nd</sup> ed). New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Simard, M., and Marchand, A. (1997). Workgroups propensity to comply with safety rules : The influence of micro-macro organizational factors. *Ergonomic*, 40, 172-188.
- Vinodkumar, M., N. and Bhasi, M. (2011). A study on the impact of management system certification on safety management. *Safety Science*, 49, 498-507.